

# Pemasangan CCTV di kawasan berisiko

S.H 24/07/08 M/S 12

Peruntukan bagi CCTV berkenaan mungkin akan diperoleh daripada sumbangan penduduk setempat serta syarikat-syarikat perniagaan dan korporat selain kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

■ AZIMAH GHAZALI

**TAMAN SELAYANG JAYA**  
- Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Selayang Jaya ber-cadangan untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasannya yang berisiko tinggi berlaku kes jenayah. Pengerusi KRT Selayang Jaya, Johnson Ooi Chin Hong berkata, antara kawasan berkenaan ialah di sekitar Pasar Harian Selayang Jaya dekat Jalan SJ 5 dan Pusat Membeli Belah Summit Square serta Selayang Mall.

“Selain itu, beberapa lagi cadangan pemasangan CCTV yang akan dibuat ialah di Jalan SJ 1, Jalan SJ 3 hingga Jalan SJ 6, Jalan SJ 14 dan Jalan SJ 17, iaitu antara jalan paling sibuk dan kawasan yang banyak perniagaan.

“Di bawah kerajaan negeri sebelum ini pun kita sudah merancang tindakan ini dan kita berharap di bawah kerajaan yang baru sekarang, ia dapat diteruskan,” kata Johnson yang bercadang meletakkan ‘monitor’ CCTV itu di Pusat KRT Selayang Jaya atau di tempat yang sesuai.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelancaran ‘Community Policing’ Kawasan Selayang Jaya yang dirasmikan Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, kelmarin.

Pada majlis tersebut juga, Johnson turut menjadi wakil menerima jaket ‘Community Policing’ sebagai simbolik pe-



Khalid ketika memakaikan jaket kepada Johnson, sambil diperhatikan Rahim (kiri).

laksanaan program berkenaan di KRT kawasannya. Menurut Johnson, peruntukan bagi CCTV berkenaan mungkin akan diperoleh daripada sumbangan penduduk se-

tempat serta syarikat-syarikat perniagaan dan korporat selain kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS).  
Tambah Johnson lagi, pihaknya juga sudah me-

maklumkan Ketua Polis, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah supaya dapat didirikan Pondok Polis di Pasar Harian Selayang Jaya

berikutan tiadanya pondok polis berhampiran.

“Terdapat cadangan supaya sistem jadual bertugas di bawah KRT kembali dimulakan, berikutan kawalan keselamatan sebelum ini telah diserahkan kepada pihak syarikat keselamatan yang ditugaskan menjaga kawasan ini,” kata Johnson yang juga Timbalan Pengerusi KRT Zon Selayang.

Untuk rekod, kini terdapat 25 ahli jawatankuasa KRT Selayang Jaya dengan 10 KRT di bawah Zon Selayang.

**fakta** nombor

**25**

ahli jawatankuasa KRT Selayang Jaya dengan 10 KRT di bawah Zon Selayang